

Kajian Futuristik Barat dan Alternatif Islam: Analisis Konseptual
Futuristic Study in Western Thought and Islamic Alternative:
A Conceptual Analysis

¹HERNAWATI NASIR

²SURAYA SINTANG

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu

¹*myherna@yahoo.com*, ²*surayasin12@gmail.com*

Diterima: 1 Jun 2017 / Dibaiki: 28 Ogos 2017

Abstrak Kertas kerja ini bertujuan menghuraikan kajian futuristik atau kajian masa depan berdasarkan kerangka pandangan Barat dan bagaimana Islam menawarkan Alternatif Masa Depan bagi menyeimbangi keperluan peradaban manusia. Kajian masa depan merupakan satu disiplin ilmu yang menjelaskan bahawa masa depan merupakan satu objek kajian dengan mengambil kira masa kini adalah inti pati permulaan melalui proses mengenal pasti dan memahami fenomena dan proses perubahan yang berlaku pada masa kini yang berlanjutan sehingga masa depan. Perkara ini dihuraikan melalui metode kajian analisis kandungan teks dengan memfokuskan perbincangan pemikiran Barat dan Muslim, iaitu Alvin Toffler dan Ziauddin Sardar. Hasil kajian awal mendapati kerangka konseptual kajian futuristik Barat membangunkan kesedaran terhadap impak kuasa ejen perubahan masa kini, iaitu sains dan teknologi yang menghasilkan tekanan dalaman, kecelaruan, kekeliruan dan kejutan. Alternatif kajian masa depan Islam pula menawarkan strategi futuristik dengan pengamalan saripati Sistem Hierarki Kesedaran, iaitu *Tazkiyah* sebagai penjanaan kesedaran yang merangkumi kesedaran diri, masyarakat dan manusia global. Syariah menjadi asas mekanisme dalam Projek Umran dan proses *ijtihad* Sistem Warrd bagi pembangunan tamadun Islam pada masa depan. Hasil kajian menunjukkan cabaran masa depan perlu ditangani dengan kaedah penyelesaian yang berupaya membentuk nilai kebersamaan dalam peradaban manusia.

Kata kunci: Futuristik, peradaban, pemikiran, perubahan, tazkiyah.

Abstract The purpose of this paper is discussing the futuristic studies in accordance to the Western thought and how Islamic perspective provides the alternative for the future of human civilization. A future study is one of

the disciplines which explains the future as an object to be studied and the present is the beginning to identify the phenomenon and its current change by the future. This has been done through contextual analysis with the primary focus on the Western and Muslim prominent thinkers whom are Alvin Toffler and Ziauddin Sardar. The early findings showed that the Western thought of future studies develops the awareness on the impact of science and technology on human development which causes pressure, disorder, confusion and future shock. The Islamic alternative future studies offers the strategy with the system of consciousness, namely Tazkiyah which includes the consciousness of self, society and global mankind. Syariah becomes the main method for the Umran project and ijтиhad for the development of Muslim civilization in the future. The finding shows that the challenge for the future needs to be tackled using ways that are able to form common values for human civilization.

Keywords: Future study, human civilization.

PENDAHULUAN

Kajian masa depan adalah satu bidang baharu dalam sejarah intelektual Barat. Ia merupakan satu percubaan untuk mengkaji kemungkinan dan kebarangkalian masa depan yang dikehendaki untuk manusia. Dalam peradaban manusia, kajian masa depan bukan fenomena baharu kerana hampir semua tamadun dan masyarakat mempunyai tatacara untuk meramal dan mengkaji masa depan masing-masing seperti astrologi, numerologi dan menilik nasib melalui tapak tangan. Apabila dikaitkan dengan Islam, menanggapi masa depan dalam ruang lingkup masa tanpa batas mencakupi kehidupan dunia dan akhirat.

Senario masa depan perlu difahami kerana berlaku perubahan drastik disebabkan perubahan teknologi dan peningkatan kebergantungan antara negara dan masyarakat dunia yang semakin mengecil. Kajian masa depan tidak hanya menawarkan teori, malah pelbagai aspek kehidupan turut diaplikasikan. Dalam konteks masa kini, aplikasi masa depan merupakan satu keperluan strategik yang begitu kritikal dan relevan dalam memahami perubahan sosial yang memberi impak terhadap masa depan. Inti pati utama

kajian masa depan melibatkan isu global yang melihat perkaitan antara pertumbuhan penduduk dunia, bekalan makanan dan kelaparan, sumber tenaga, pencemaran alam sekitar, kelestarian pembangunan dan perubahan cuaca dunia dan bencana alam.

Subjek kajian masa depan berkait rapat dengan kajian sains dan teknologi dan memberi kesan sosial kepada masa depan peradaban dunia. Dengan kata lain, perubahan sosial masa kini akibat peningkatan penggunaan teknologi bakal mencorak masa depan yang berbeza daripada cara kehidupan masa kini. Justeru, boleh dikatakan memahami perubahan memberi peluang seseorang mencorak kehidupan yang lebih baik dan memikirkan cara yang lebih positif bagi mencipta masa depan yang diingini.

Sungguhpun bidang kajian masa depan telah sekian lama diteroka oleh intelektual Barat, ia dipandang sepi dalam konteks kajian Pemikiran Islam Semasa. Justeru, artikel ini cuba menggarap persoalan kajian masa depan daripada perspektif Barat dan bagaimana pemikiran Islam menawarkan Alternatif Masa Depan sejajar dengan keperluan semasa. Dalam memahami kerangka konseptual kajian masa depan, analisis pemikiran Barat dan Islam akan dibincangkan bersandarkan pemikiran sarjana intelektual iaitu Alvin Toffler dan Ziauddin Sardar. Justifikasi pemilihan kedua-dua pemikir dan futuris ini adalah berdasarkan kepada sumbangan penting mereka terhadap perkembangan bidang kajian masa depan (futuristik) dan pengaruh mereka dalam menyebarluaskan kesedaran masa depan dalam kalangan masyarakat Barat dan peradaban dunia khususnya melalui teori masa depan sosial.

DEFINISI KAJIAN MASA DEPAN (*FUTURE STUDIES*)

Pelbagai terminologi digunakan bagi menjelaskan kajian masa depan seperti *futuristics*, *futurology*, *forecasting*, *futures research* dan *futuribles*. Terminologi '*futurology*' mula diperkenalkan oleh Ossip Flechtein dalam *History and Futurology* (1966) yang menyatakan lapangan ilmu ini merangka satu jangka waktu hala tuju manusia, masa depan masyarakat dan masa depan aktiviti mereka. Dator (1996) dalam *First Law of Futures* menyatakan masa depan tidak boleh dijangka tetapi boleh diramal dan

masa depan yang diinginkan boleh dicipta secara berterusan. Kita boleh mempunyai pengetahuan tentang ramalan dan visi, senario dan pendapat pakar, konsep dan metodologi kajian masa depan tetapi hal ini tentunya tidak sama seperti mengetahui masa depan. Ramalan (*forecast*) dan visi (*vision*) merupakan aktiviti epistemologi yang berasaskan teori ilmu dengan menyediakan ilmu pengetahuan dengan beberapa kemungkinan yang terbatas dan tidak boleh ditetapkan kepastiannya.

Ziauddin Sardar (2010) menyatakan terminologi masa depan didefinisikan berdasarkan imej Barat. Terdapat momentum dalaman Barat yang membawa kita menentukan masa depan. Bersandarkan visi *Eurocentric* (berpaksikan Barat), teknologi merupakan penggerak projek masa depan sebagaimana iklan dalam mempromosikan sesuatu produk. Produk yang diinginkan ini membangkitkan keinginan dan teknologi diperlukan sebagai penyelesaikan masalah. Seperti juga dasar penjajahan (*colonisation*) yang masa depannya bertunjangkan ‘pembaratan’ (*Westernisation*), bawah rubrik ‘*globalisation*’. Sungguhpun istilahnya tidak sama tetapi produk yang dihasilkan sama, yakni proses mentransformasi dunia kepada perkampungan kecil (*global village*), mengecilkan jarak, waktu dan ruang serta membentuk dunia dengan imej satu budaya dan satu peradaban. Justeru, sebarang istilah yang berkaitan dengan kajian masa depan adalah bertunjangkan *Eurocentrism*.

Wan Nor Fariza (2010) menjelaskan konsep masa depan signifikan bagi menjelaskan masa depan bermula sekarang dan berlanjut selama ia memberi peluang dan tindakan alternatif. Walaupun kadar masa itu tidak tetap dan bersifat terbuka, ia bermula daripada sekarang. Masa depan adalah masa di mana seseorang boleh merancang dan mengawal segala tindakannya. Mereka tidak boleh mengubah atau menulis semula sejarah yang berbeza. Masa yang mungkin dapat dikawal ialah masa depan mereka yang secara jelasnya bermula pada masa kini. Kajian masa depan berdasarkan penelitian sarjana Barat bertujuan memahami isu-isu dan permasalahan yang kompleks disebabkan proses perubahan sosial impak daripada kemajuan teknologi dan pemodenan.

Sungguhpun ramalan merupakan elemen penting dalam kajian masa depan, tujuan disiplin ilmu ini bukan untuk meramal masa depan. Sebaliknya, bermatlamat untuk menyelongkar pelbagai alternatif pada masa depan yang berlaku hasil tindakan dan keputusan masa kini. Justeru, boleh dikatakan kajian masa depan itu adalah kajian sistematik tentang masa depan. Ia cuba membantu seseorang membuat pilihan dan perancangan tindakan dalam bentuk dan cara yang lebih positif dan proaktif melalui proses ramalan pelbagai kemungkinan masa depan dan bertindak secara strategik untuk mencapai kehidupan yang lebih baik pada masa depan.

Wendell Bell (1997) menjelaskan bahawa matlamat pengkaji masa depan adalah untuk mengetahui sebab dan faktor perubahan yang melibatkan proses dinamik dalam pembangunan teknologi dan perubahan politik, ekonomi, sosial dan budaya dan pada masa yang sama menentukan perubahan yang dijangka dan boleh diletakkan di bawah kawalan manusia. Mereka juga ingin mencari dan menemui kesan yang tidak kelihatan atas tindakan individu dan tindakan sosial. Bell (1996) merumuskan pengkaji masa depan cuba menjelaskan matlamat dan nilai, menerangkan trend, keadaan, senario, memformulasikan alternatif imej masa depan, mencipta, menilai dan memilih polisi alternatif serta menganalisis sosial dan implikasinya terhadap jatuh bangun peradaban dunia.

Ringkasnya, kajian masa depan merupakan satu disiplin ilmu yang menjelaskan bahawa masa depan merupakan satu objek kajian, dengan mengambil kira masa kini adalah inti pati permulaan melalui proses mengenal pasti dan memahami fenomena dan proses perubahan yang berlaku pada masa kini, sama ada ia terus wujud pada masa depan. Kesannya, ia membantu proses membuat keputusan dan menyediakan maklumat yang berkaitan dalam ruang lingkup perspektif yang lebih panjang bagi individu dan organisasi merangka perancangan dan membuat Alternatif Masa Depan.

KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN KAJIAN MASA DEPAN

Kesedaran terhadap kajian masa depan bermula dalam kalangan futuris Barat kesan daripada peningkatan kesedaran dan kekeliruan terhadap perubahan yang dilalui. Kesedaran ini membangkitkan keinginan menyelongkar bagaimana manusia boleh mengetahui secara lebih berkesan dan mempengaruhi perubahan sesuai dengan kehendak dan tuntutan masyarakat. Metode dan kaedah meramal masa depan merupakan satu keunikan penciptaan Barat. Sememangnya kecenderungan Barat terhadap persoalan masa depan bukan suatu yang baharu kerana aplikasi matematik dan kaedah statistik lazim digunakan sebagai teknik kajian masa depan. Kaedah ini tidak hanya diasosiasikan dengan teknologi ramalan (*technological forecasting*) tetapi juga isu yang berkaitan dengan kehidupan manusia dalam pelbagai masalah dan persoalan berdasarkan maklumat dan ilmu pengetahuan masa kini.

Kecenderungan terhadap kajian masa depan ini memberi kesan kepada kajian secara sistematik terhadap kemungkinan yang berlaku pada masa depan. Kegiatan ramalan merupakan perkara penting dalam *standard procedure* jabatan kerajaan, industri, agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pelbagai institusi penyelidikan di seluruh dunia. Kecenderungan terhadap masa depan mendorong minat para pemikir masa depan Barat mengkaji perkara yang melibatkan isu perubahan kesan daripada kemajuan revolusi teknologi, sains, sosial dan ekonomi. Kesan daripada kemajuan ini membawa perubahan sistem terhadap kesalingbergantungan dalam komuniti global yang semakin kompleks (Thompson, 1979).

Salah satu perkara penting yang perlu difahami dalam proses perubahan ialah kemunculan aktiviti manusia dalam skala yang lebih besar dan mempengaruhi kestabilan ekologi dalam jangka masa panjang. Kadar peningkatan perubahan dalam aktiviti manusia memberi kesan kepada timbulnya kesedaran terhadap isu dan permasalahan yang berkaitan dengan masa depan. Kesedaran terhadap masa depan semakin mendesak apabila manusia semakin menghadapi masalah kritikal berhubung hal demografi, bekalan makanan, tenaga, sumber asli, pencemaran dan urbanisasi yang saling berkaitan antara satu sama lain dan tidak dapat diselesaikan secara berasingan.

Hasil penulisan tentang masa depan di Eropah bermula seawal tahun 1890-an daripada pelbagai perspektif dan pendekatan pelbagai penulis. Kajian tentang masa depan secara sistematik mula diperkenalkan oleh H. G. Wells melalui hasil penulisannya *Anticipations* (1901). Perkembangan kajian masa depan dalam konteks Eropah khususnya di Perancis dapat dilihat daripada hasil kerja Gaston Berger, Pierre Masse, Bertrand de Jouvenel dan Jerome Manod tahun 1950-an dan 1960-an. Pemikiran tentang masa depan semakin berkembang pada tahun 1970-an melalui hasil penulisan intelektual Barat seperti *The Limits to Growth* (1972) oleh Club of Rome yang menjelaskan peristiwa sejarah kajian masa depan (Cole & Masini, 2001).

Perkembangan selanjutnya adalah penubuhan beberapa jabatan dan unit di universiti-universiti yang menawarkan Pengajian Masa Depan (*Future Studies*) sebagai kursus dan program baharu seperti Universiti of Houston-Clear Lake di United States dan Leeds Metropolitan University di United Kingdom. Misalnya, University of Houston menawarkan Pengajian Masa Depan pada peringkat pascasarjana di bawah program *Master of Technology in Futures Studies in Commerce*. Hal ini menunjukkan minat yang menjulang tinggi terhadap kajian masa depan dalam konteks negara Barat. Pengajian ini mendapat sokongan dana kerajaan daripada pelbagai institusi penyelidikan dan badan pemikir (*think tank*), selain diperkuatkan lagi dengan sokongan agensi penyelidikan strategik dan penggubal dasar.

Perkembangan selanjutnya menjurus kepada kepentingan pembangunan metode dan teknik khusus dalam membentuk kefahaman mendalam tentang perubahan fenomena dan jangkaan masa depan. Usaha ini dijalankan dengan pelbagai cara oleh para ahli futuris seperti *Delphi Technique*, *Trend Extrapolation*, *Simulation* dan *Scenario Writing*. Pembangunan metode ini merupakan asas penting bagi kelestarian pengesahan sesuatu proses ramalan dan keputusan.

Di sebalik perkembangan ini, terdapat sebilangan kecil pemikir Muslim yang menyumbang dalam kajian masa depan. Menurut Elmandjra di simposium “*The Future of the Islamic World*”, hampir 97 peratus daripada perbelanjaan dunia digunakan untuk membiaya kajian masa depan khususnya

dalam bahagian latihan, pendokumentasian, kajian saintifik dan aplikasinya dan dua pertiga daripada kajian yang dijalankan digunakan oleh institusi ketenteraan dan syarikat multinational. Boleh dikatakan Muslim hanya menyumbang tiga peratus dalam bidang kajian masa depan yang kebanyakannya daripada negara ketiga (*third world country*). Situasi ini menunjukkan sikap kurang prihatin dunia Islam terhadap nilai strategik masa depan sehingga menyebabkan berlakunya permasalahan masa kini. Maka, tidak menghairankan sekiranya kebanyakan negara Muslim dunia ketiga mundur kerana pihak Barat telah mengatur strategi untuk menjajah masa depan mereka.

Kajian masa Futuristik berkembang secara meluas dalam dunia Barat dan diaplikasikan dalam pelbagai aspek bagi membantu meramal atau menjangkau sesuatu keputusan. Namun begitu, kajian masa depan merupakan satu bidang yang masih kurang dibincangkan dalam disiplin ilmu Pemikiran Islam Semasa (*Contemporary Islamic Thought*) sehingga menyebabkan kurangnya bahan penerbitan berkaitan. Antara bahan penulisan yang membincangkan perspektif Islam yang terawal ialah buku yang menghimpunkan koleksi makalah hasil tulisan Wilfrid Scawen Blunt bertajuk *The Future of Islam* (1882) yang membincangkan permasalahan dunia Islam yang dikuasai Barat, khususnya British dan Perancis dan kemunduran komuniti Muslim yang harus mengalami kebangkitan dalaman.

Wan Fariza (2010) menjelaskan gelombang baharu pemikiran masa depan dalam kajian intelektual Islam masih dalam proses pembangunan. Pada tahun 1980-an dan 1990-an, kebanyakan hasil penulisan berkaitan kajian masa depan dihasilkan oleh Sardar dan rakan sekerjanya yang lain seperti Merry Wyn Davies, Zaki Kirmani, Ayyub Malik, Asaria, Parvez Manzoor, Munawar Ahmad Anees, Gulzar Haidar dan Ibrahem Sulaiman yang bertindak sebagai kumpulan ahli pemikir (*the Ijmal group*). Sardar bersama kumpulan felo pemikir cuba memperkenal dan mempromosi Masa Depan Alternatif Islam yang memfokuskan seluruh ajaran Islam dan mengaplikasikan Islam sebagai satu cara hidup. Demikian juga, gesaan menyediakan *blueprint* untuk masyarakat masa depan yang tidak bersifat rigid dan statik, sebaliknya menerima pakai perubahan berterusan dan sentiasa dikemas kini. Sardar turut menyatakan bahawa suatu tanggapan yang salah sekiranya kita menganggap bahawa Rasullah SAW

tidak merancang dan menyediakan *blueprint* untuk aktiviti masa depan. Misalnya, penghijrahan Rasulullah ke Madinah melibatkan perancangan teliti. Justeru, adalah wajar dinyatakan bahawa Rasulullah mempunyai idea yang jelas tentang apa yang ingin dicapai dan bertindak secara bijak bagi merealisasikan objektif dan matlamat yang telah digariskan.

Seorang lagi sarjana Muslim yang terlibat dalam perbincangan tentang masa depan ialah Mahdi Elmandjra, graduan Cornell University dan mendapat Ijazah Sarjana Kedoktoran daripada *London School of Economics*. Beliau memegang jawatan penting dalam organisasi United Nations tahun 1961 hingga 1981, *Assistant Director General of United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)*. Beliau merupakan Presiden *World Future Studies Federation and the Futuribles International of Paris* dan *Founding President of the Moroccan Association of Future Studies* dan *the Moroccan Organization of Human Rights*. Beliau menerbitkan 400 artikel dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan dan beliau terpilih sebagai *the International Biographical Center* sebagai salah seorang “*200 Outstanding Scholars of the 20th Century*”.

Hasil penelitian Wan Fariza (2010) menjelaskan dalam konteks pemikiran Islam semasa, terdapat tendensi kemunculan beberapa sarjana Muslim dalam membincangkan wacana alternatif yang berbeza daripada pandangan konvensional Barat, sama ada melibatkan pihak tradisionalis, modenis maupun reformis khususnya dalam memahami prinsip Islam berdasarkan konteks semasa umat Islam. Dengan lain perkataan, pendekatan mengintegrasikan kajian masa depan dalam bidang pemikiran Islam semasa bertujuan membentuk strategik dan nilai operasional dalam ajaran Islam bagi memberi nafas baharu atau menyegarkan, dan secara tidak langsung mengembalikan peradaban Islam masa lampau. Sardar menggesa akan perlunya cara melihat dan memahami konsep dan *worldview* sebenar tamadun Islam, menginovasikan metodologi dan merealisasikan perancangan jangka panjang. Sardar percaya bahawa sebarang usaha mentransformasikan keadaan nasib Muslim masa kini menuntut metodologi futuristik yang mengaplikasikan epistemologi Islam dan sistem Islam. Inilah yang dapat mengintegrasikan pemikiran Islam dan kajian masa depan yang sememangnya menjadi fokus perbincangan Sardar sebagai pelopor intelektual Muslim dalam kajian masa depan.

KAJIAN MASA DEPAN MENURUT PANDANGAN SARJANA BARAT

Konteks kajian masa depan sosial berdasarkan masyarakat Barat kontemporer dapat difahami secara khusus berdasarkan analisis pemikiran futuris Alvin Toffler yang merupakan salah seorang perintis teori masa depan *The Third Wave Society* (1980) atau *the information society*. Teori Alvin Toffler merupakan teori masa depan sosial (*the theory of social futurism*) yang dianggap sebagai teori yang besar dan bermakna dalam bidang kemanusiaan dan teori yang diklasifikasikan sebagai teori masyarakat pascaindustri (*the theory of post-industrial society*). Wan Fariza (2010) menyatakan teori ini merupakan satu keunikan analisis Barat dalam mengkaji fenomena kemodenan dan bagaimana kemodenan ini difahami dan dibentuk mengikut konteks masyarakat Barat khususnya dan masyarakat global umumnya pada masa depan.

Inti pati utama teori masa depan adalah memikirkan tentang kelestarian masyarakat manusia (*sustainability of human society*). Berdasarkan paradigma sekular moden yang melihat perkembangan dan kemajuan manusia melalui proses sosiosejarah sebagai satu cara memahami perkembangan manusia sebagai fenomena universal. Dalam konteks kajian masa depan, teori masa depan sosial yang dirujuk ialah *Third Wave Civilization* (Peradaban Gelombang Ketiga) ataupun *Post-Industrial Society* (Masyarakat Pascaindustri). Teori ini mengkaji dan menjangka jenis atau bentuk masyarakat yang muncul pada masa depan mengikut ruang lingkup Barat moden dan pascamoden. Wacana masyarakat pascaindustri atau superindustri ini menjelaskan idea tentang teori peringkat pembangunan sosial (*stage theories of social development*) dengan menyatakan bahawa masyarakat manusia berkembang melalui beberapa peringkat. Namun, Toffler dan ahli futuris lain menyatakan dalam peringkat pembangunan manusia, ia tidak hanya berlaku dalam ruang lingkup masyarakat itu sahaja, sebaliknya perkembangan itu turut dipengaruhi oleh teknologi, ekonomi, politik dan gaya hidup.

Alvin Toffler melalui trilogi penulisannya *Future Shock* (1970), *The Third Wave* (1980) dan *Powershift* (1990), pada dasarnya menjelaskan

tesis utamanya tentang masa depan masyarakat dalam kerangka peradaban baru yang dinamakan sebagai *The Third Wave Civilization* (Peradaban Gelombang Ketiga). Perkara utama yang diketengahkan Toffler dalam tesisnya ialah elemen perubahan dan implikasi perubahan yang dilalui manusia sehingga menyebabkan timbul gejala atau penyakit masa depan atau ‘kejutan masa depan’ (*future shock*) dan bagaimana manusia menangani dan menyesuaikan diri pada masa depan (*theory of adaptation*). Inti pati utama Toffler ialah perubahan drastik ataupun kederasan perubahan boleh jadi lebih penting daripada hala tuju perubahan dan aplikasi perubahan yang telah dirancang (Toffler, 1971). Dalam buku *Future Shock* (1970), Toffler menggunakan “pendekatan analisis” terma kontemporari berhubung dengan masa depan, senario dan isu semasa untuk memahami permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat. Toffler menarik perhatian umum dengan memperkenalkan terma yang berkaitan dengan revolusi superindustrialisasi dan proses superteknologi yang menyebabkan timbul permasalahan kompleks yang dihadapi masyarakat sehingga mengakibatkan berlaku kejutan masa depan dalam dimensi fizikal dan psikologikal.

Idea Toffler tentang masa depan bertujuan meningkatkan kesedaran berhubung masa depan dalam kalangan individu dan masyarakat. Dengan adanya kesedaran ini, ia membantu memahami isu dalam terma utama berhubung masa depan. Toffler selanjutnya menjelaskan tujuan mempelajari perubahan dalam persepektif peradaban bukan untuk meramal sebuah masyarakat yang sempurna seperti idea Marxis bagi masyarakat sosialis dan Plato bagi masyarakat Republik. Sebaliknya, Toffler menyelongkar masa depan dan dengan semangat ini konsep kejutan masa depan dan teori penyesuaian dibangunkan sebagai andaian pertama tentang realiti baru yang dipenuhi dengan pelbagai cabaran. Demi kelangsungan keperluan manusia, maka perubahan dan masa depan perlu dikaji. Dengan kata lain, pembangunan kajian masa depan dan aplikasi pemikiran masa depan berkait rapat dengan perubahan yang sentiasa berlaku dalam kehidupan seharian manusia dan perkara ini merupakan satu fenomena sihat dan tidak dapat dielakkan (Toffler, 1971).

Toffler selanjutnya menjelaskan manusia harus memberi perhatian, membuat persediaan dan menyahut cabaran akan datang. Beliau juga

menarik perhatian tentang kadar atau ukuran kepentasan sesuatu perubahan dan implikasi yang menyusulinya. Beliau menegaskan peri pentingnya konsep keseimbangan antara kadar berlakunya perubahan persekitaran dengan kadar tindak balas manusia. Kejutan masa depan berlaku atas sebab sikap ketinggalan manusia terhadap perubahan yang bersifat drastik. Inilah gambaran pada masa depan jika manusia diselubungi atau ditenggelami oleh perubahan dalam era ledakan kemajuan sains dan teknologi.

Tema pemikiran Toffler tentang masa depan seperti yang dirungkai dalam tiga catatan penulisannya adalah berlegar tentang pengetahuan, perubahan dan teknologi, serta jenis masyarakat masa depan yang mendepani perubahan kesan daripada penciptaan pengetahuan dan inovasi teknologi. Dalam *The Third Wave* yang merupakan penulisan futuristik dan metodologinya menggunakan ‘pendekatan sintesis’, Toffler menghujahkan perubahan sebagai sebahagian daripada proses revolusi atau apa yang diistilahkan sebagai ’gelombang perubahan’ dalam membentuk peradaban baharu. Dalam menjelaskan perubahan sosial yang dilalui masyarakat manusia, Toffler menghujahkan bahawa setiap peradaban mempunyai ruang atmosferanya sendiri; 1) teknosfera yang berasaskan tenaga, sistem produksi dan sistem pengagihan; 2) sosiospera yang memaparkan institusi sosial yang saling berkaitan; 3) Infosfera, kehidupan masyarakat yang berasaskan rangkaian komunikasi; 4) kuasasfera termasuk hubungan dengan dunia luar, iaitu peradaban yang dibentuk daripada kuasa eksploitasi, ketenteraan; 5) ideologi super, iaitu kuasa budaya yang menstrukturkan realiti sebenar budaya dan pengoperasian budaya (Toffler & Toffler, 2006).

Berdasarkan teori gelombang dan struktur atmosfera, Toffler membahagikan masyarakat manusia kepada tiga kategori. Gelombang pertama adalah masyarakat selepas revolusi agraria dan menggantikan budaya memburu, iaitu fasa revolusi pertanian yang mengambil masa beribu tahun. Gelombang kedua adalah masyarakat industri yang berasaskan lambakan produksi, pengagihan, penggunaan, pendidikan, media, rekreasi, hiburan dan senjata pemusnah yang dikombinasikan dengan penyeragaman, pemusatan, konsentrasi, sinkronasi dan birokrasi. Prinsip ini merapatkan jurang antara pengeluar dan pengguna serta penyebaran pasaran. Gelombang ini disifatkan sebagai fasa kebangkitan tamadun perindustrian selama 300

tahun. Masyarakat gelombang ketiga merupakan fasa abad ke-21 sekarang ini yang disifatkan sebagai zaman pecutan perubahan. Ciri peradaban masyarakat gelombang ketiga boleh dilihat dalam beberapa aspek yang melibatkan imej, perkembangan, masa dan ruang dan kesannya.

Toffler menjelaskan prinsip Peradaban Gelombang Ketiga (*Third Wave Civilization*) adalah berasaskan sintesis, simbiosis dan penggabungan (*fusion*). Ia bersifat imaginasi dan pembauran pelbagai nilai, budaya dan pandangan sejagat yang sesuai untuk negara maju dan memenuhi keperluan negara membangun. Peradaban Gelombang ketiga menilai maklumat, ilmu pengetahuan dan teknologi sebagai faktor penting masa depan. Analisis Toffler terhadap masyarakat berpengetahuan dalam proses pembentukan Peradaban Gelombang Ketiga lebih menekankan proses mentransformasi kuasa untuk mencipta teknologi baharu. Hal ini menurut Toffler telah menyebabkan perubahan ilmu pengetahuan yang membebaskan minda daripada monopolii ilmu pihak berkuasa. Bahkan, ia turut memberi kesan kepada perubahan struktur masyarakat, membentuk kefahaman gaya hidup baharu.

Imej Peradaban Gelombang Ketiga berasaskan simbiosis, harmoni, kitaran semula, tenaga diperbaharui dan melindungi alam semula jadi. Dari segi masa, ia bersifat relatif dan mencakupi ruang masa, global dan lokal. Fokus keutamaan peradaban masa depan ialah bagaimana perubahan memberi kesan apabila seluruh masyarakat ditransformasikan kepada sesuatu yang baharu dan tidak terjangka. Ilmu pengetahuan menjadi alat yang paling berkuasa dalam peradaban masa depan di mana ilmu pengetahuan itu berfungsi membentuk lebih banyak perubahan. Proses perubahan berdasarkan analisis Toffler melibatkan tiga perkara penting dalam masyarakat moden iaitu pembangunan kemajuan bandar, penggunaan tenaga bagi keperluan manusia dan perkembangan ekonomi yang drastik.

Perkara inilah yang menjadi kejutan dalam masyarakat apabila berhadapan dengan perubahan yang disebabkan pengaruh inovasi teknologi seperti yang dijelaskan Toffler dalam teorinya, *Future Shock*. Toffler menggesa perlunya individu dan masyarakat mempelajari cara mengurus sumber daripada perubahan dengan memperkenalkan inovasi teknologi yang

dikawal. Justeru, teknologi perlu melalui prosedur pemilihan yang tegas bagi menilai tujuan inovasi dan aplikasi manfaatnya dalam masyarakat. Usaha yang serius juga diperlukan bagi menilai kesan pembangunan teknologi. Toffler meyakini bahawa pengurusan teknologi bagi menghindari kesan sosial adalah dengan cara memahami kekuatan dan kelemahan teknologi baharu dan kesannya terhadap masyarakat dalam jangka masa panjang. Toffler secara tegas menyatakan teknologi tidak boleh ditoleransi untuk mengubah masyarakat. Dengan itu, kaedah “*environmental screening*” (penyaringan alam sekitar) perlu diwujudkan sebagai satu penyelesaian bagi menilai penggunaan teknologi dan kesannya terhadap masyarakat. Justeru, institusi politik perlu dibina bagi menjamin permasalahan alam sekitar dan memantau penggunaan teknologi.

Dalam mendepani cabaran perubahan ini, Toffler menawarkan teori adaptasi sebagai kunci strategik dengan memperkenalkan revolusi pendidikan dan membantu individu dan masyarakat dengan membina zon stabil personal (*personal stability zones*); fungsi kumpulan kaunseling; menghubungkan perkaitan antara masa lalu dengan masa depan dengan cara menjinakkan teknologi melalui pemilihan gaya hidup yang sesuai; pelaksanaan “penyaringan” berhubung dengan alam sekitar dan teknologi; perancangan berorientasikan kemanusiaan; demokrasi dan teknologi. Komponen utama dalam teori adaptasi Toffler ialah pendidikan dengan matlamat meningkatkan kemampuan ketahanan individu yang mampu beradaptasi dengan perubahan berterusan.

Secara keseluruhan, idea kajian masa depan Toffler menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan dan teknologi merupakan dua elemen pentru bagi menyediakan masyarakat mendepani cabaran perubahan yang selanjutnya berupaya membawa masyarakat kepada proses transformasi ke arah membentuk Peradaban Gelombang Ketiga. Bertitik tolak daripada teori inilah, teori masyarakat pascaindustri diperkenalkan oleh sarjana futuris Barat yang lain. Hakikatnya, analisis kajian masa depan Toffler melalui teori Peradaban Gelombang Ketiga menjelaskan senario masyarakat global yang memiliki pelbagai budaya dan agama yang mampu hidup dan tinggal bersama secara adil dan saksama. Dengan kata lain, Peradaban Gelombang Ketiga adalah visi bagi peradaban global yang bersifat *multicentric* pada masa hadapan.

ALTERNATIF ISLAM TERHADAP MASA DEPAN

Penelitian tentang kajian masa depan daripada perspektif Islam berbeza daripada Barat kerana sumber ilmu yang menjadi sandaran dalam memahami konsep masa depan adalah berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Kefahaman terhadap konsep masa depan ini juga adalah bertunjangkan kefahaman konsep *al-din* yang menjelaskan konsep masa bermula di dunia sehingga akhirat.

Kajian yang menghimpunkan idea tentang pemikiran masa depan dan metodologi penyelesaian dalam kerangka perbahasan pemikiran Islam dibincangkan oleh Ziauddin Sardar dalam bukunya *The Future of Muslim Civilization* (1979) dan *Islamic Futures: The Shape of Ideas to Come* (1985). Sardar menekankan kepentingan pemikiran masa depan sebagai satu cara untuk membangun paradigma dan metodologi bagi memahami dan mengaplikasikan ajaran Islam untuk membentuk semula peradaban Islam pada masa depan. Sardar mengetengahkan satu model projek peradaban yang dikenali sebagai “Projek Umran” dan pelan tindakan untuk direalisasikan oleh umat Islam khususnya dari kalangan golongan cendekiawan dan intelektual Muslim. Sardar turut menekankan matlamat *Islamic futures* untuk mensintesiskan semua elemen yang membangunkan peradaban Islam sebagai satu pandangan sejagat yang dinamik dan progresif.

Sardar memfokuskan perbincangan mengenai masa depan sebagaimana yang dijelaskan Inayatullah (1998), dibahagikan kepada tiga tema utama, iaitu masa depan Muslim ataupun peradaban Islam, sains Islam dan perkaitan antara Islam dan pascamodenisme. Peradaban Islam perlu mengalami proses pembinaan semula dan pengembalian semula yang berorientasikan metodologi futuristik Islam. Sementara itu, persoalan tentang sains harus dibangunkan berdasarkan perspektif sains Islam yang mempunyai entiti tersendiri.

Secara lebih khusus, dalam buku *The Future of Muslim Civilization* (1979) yang menggunakan metodologi “pendekatan analisis”, Sardar menjelaskan dalam merancang masa depan yang bertamadun, ia memerlukan analisis terhadap sejarah pengalaman masa lalu. Melalui metodologi dan

garapan epistemologi Islam, persediaan holistik dan Alternatif Masa Depan dapat ditentukan bagi membina dan melestarikan tamadun ummah. Fokus penulisannya ialah metodologi futuristik Islamik dengan menggarap epistemologi Islam, perincian syariah menggunakan lima sumber utama, iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijtihad, ijmak dan qiyas. Projek Umran merupakan mekanisme rekonstruksi tamadun Islam. Sementara itu, Sistem *Warrd* merupakan mekanisme proses ijtihad yang sistematik bagi pengkajian masa depan yang menggunakan formulasi metodologi klasik dan epistemologi Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah.

Dengan menekankan konsep analisis sejarah dan “pensejarahan,” yakni penulisan ilmiah dan paradigma Islam berdasarkan analisis sejarah sirah Nabi, Sardar menjelaskan masa depan tamadun Islam bergantung pada masa lalu dan masa yang dilaluinya sekarang. Pendekatan analisis Sardar diperincikan dalam terma “*The Future is in the Past*” dan “*The Future is in the Present*”. Sardar menjelaskan berabad lamanya, penulisan sejarah Islam hanya mengandungi kronologi dan penerangan fenomena peristiwa penting. Misalnya, Sirah Nabawiyah, penulisannya sangat terperinci dengan data maklumat, fakta dan pengetahuan tetapi mengabaikan bentuk konseptual dan teoretikal. Malah, tidak ada penghuraian tentang isu-isu dan senario kontemporari yang signifikan dengan hikmah di sebalik sirah Nabi, misalnya urusan yang signifikan dengan aktiviti politik, urusan perjanjian perdagangan dan pencapaian sosial Nabi Muhammad SAW. Hal ini juga berlaku dalam penulisan sejarah Khalifah al-Rasyidin dan zaman kegemilangan Islam. Menurut Sardar, penulisan sejarah seharusnya digarap dalam bentuk disiplin dan epistemologi Islam, seterusnya bijaksana dalam mengolah pensejarahan yang berorientasikan metodologi futuristik Islam sehingga membentuk paradigma atau model tamadun Islam yang boleh diguna pakai dari zaman ke zaman seterusnya.

Menyentuh terma “*The Future is in the Present*”, Sardar membincangkan bagaimana lapisan penebat (*insulting layer*) Sistem Hierarki Kesedaran dalam sistem Islam boleh diperkuuhkan untuk melawan arus pemodenan masa kini. Dalam keadaan Toffler (1971) membangunkan kesedaran terhadap impak kuasa ejen perubahan masa kini, iaitu sains dan teknologi yang menghasilkan tekanan dalaman, keceluaran, kekeliruan

dan kejutan, Sardar pula hadir dengan strategi futuristik Islam berdasarkan pengetahuan empat subsistem dalam Sistem Hierarki Kesedaran iaitu, *Tazkiyah* sebagai penjanaan kesedaran kendiri futuristik bermula dengan kesedaran subsistem kesedaran diri, kesedaran masyarakat, kesedaran ummah dan kesedaran kemanusiaan dan dunia.

Sardar cuba mengetengahkan pemikiran semasa Islam dengan memahami budaya sains moden yang mensasarkan dua perkara, i) menyerlahkan Islam sebagai satu peradaban semasa yang bersifat hidup, dinamik dan mengkritik Barat melalui pandangan dan kepentingan Islam; dan ii) proses menyegar dan mengkontemporarikan peradaban Islam pada masa hadapan. Sardar menjelaskan pendekatan konstruktif peradaban Islam harus dibina semula sedikit demi sedikit berdasarkan kategori dan konsep Islam sebagai peradaban masa depan yang bersifat terbuka dan berupaya memenuhi kehendak masyarakat plural. Islam harus ditafsirkan dalam pelbagai aspek. Sardar menjelaskan negara Islam Madinah perlu diteladani dan dicontohi iaitu ‘roh’ semangat negara Islam Madinah dan nilai yang didukung oleh masyarakat Madinah. Secara teorinya, perkara ini boleh direalisasikan, namun keadaan pada masa hadapan memerlukan pembentukan masyarakat yang berkemampuan untuk merealisasikan nilai Islam yang kelihatan lebih besar cabarannya berbanding zaman para sahabat terdahulu.

Dalam usaha menjadikan “Islam” sebagai Alternatif Masa Depan, Sardar menjelaskan Islam itu sebagai agama, budaya, tradisi dan peradaban yang berada dalam satu komponen yang tidak terpisah-pisah. Islam seharusnya difahami sebagai satu pandangan sejagat yang membentuk *worldview* Islam dan juga satu sistem untuk mengetahui, mewujudkan dan melakukan sesuatu. Usaha memperhebatkan (*revitalisation*) peradaban Islam seharusnya bermula melalui transformasi dalaman. Proses gerakan Islam sebagai sebuah peradaban harus berdasarkan penglibatan dalam sistem pentadbiran (*participatory governance*); keadilan sosial dan modal insan dengan masyarakat berasaskan-pengetahuan (*knowledge-based society*) yang komited dengan konsep tugas pengibadatan dan pengabdian kepada Yang Maha Pencipta serta pembangunan ilmu pengetahuan, ilmu teknikal dan saintifik yang berupaya meningkatkan kehidupan ummah.

Sardar selanjutnya menjelaskan Alternatif Masa Depan Islam seharusnya dibentuk daripada pandangan sejagat dan peradaban Islam. Sardar mencadangkan Projek Umran sebagai pelan utama bagi menggariskan strategi mencapai peradaban Islam. Sardar menyatakan terminologi “*umran*” yang sebenarnya diasaskan oleh Ibn Khaldun (1332–1406M) bagi menjelaskan peradaban dinamik. Berdasarkan projek ini, sasaran pembangunan semula masa depan membolehkan Muslim menetapkan standard pencapaian berpandukan model negara Islam Madinah. Sardar menyatakan projek ini menyediakan kerangka konseptual dan pelan operasi bagi Alternatif Masa Depan Muslim yang melibatkan perancangan yang *flexible*, berkembang, boleh dimodifikasi dan dikemas kini. Projek Umran bukan konsep ideal yang khusus untuk masa depan masyarakat tertentu sebagaimana yang dibincangkan oleh Toffler, sebaliknya satu konsep masyarakat yang ideal berdasarkan pengalaman Rasulullah di Madinah.

Modus operandi Projek Umran dibina berdasarkan pendekatan pembangunan penyelidikan dan sistem metodologi yang dikenali sebagai Sistem Warrd. Sistem ini mensasarkan peningkatan proses ijтиhad dan fungsi syariah sebagai satu kaedah penyelesaian masalah. Proses ini berpandukan model Madinah bagi menilai persekitaran masa depan yang diimplementasikan melalui usaha institusi penyelidikan yang dianggotai oleh ulama dan sarjana Muslim moden yang saling bekerjasama demi kebajikan ummah. Sistem Warrd yang menggabungkan kaedah klasik dan moden merupakan penggerak kepada proses pembaharuan fungsi semula ijтиhad, membina semula kefahaman baharu dan tafsiran terhadap pandangan sejagat Islam. Pendekatan kedua-dua modus operandi projek ini ialah penubuhan visi sistem Muslim, yakni visi jangka panjang, jangka sederhana dan jangka masa pendek. Pendekatan ini bertujuan menyediakan Muslim mendepani masa depan yang lebih baik.

Idea masa depan Sardar ini menggabungkan pendekatan teori dan praktikal yang bertujuan untuk membantu proses penggubalan dasar dan polisi. Pendekatan teori yang dikemukakan Sardar adalah berpandukan model konseptual masyarakat Madinah, sementara aspek praktikal pula menjurus kepada Projek Umran, Sistem Warrd dan proses perancangan.

Pendekatan gabungan antara teori dan praktikal dalam menjelaskan Masa depan Muslim merupakan satu sumbangan yang unik dalam wacana Islam kontemporeri dan kajian masa depan ummah.

Sungguhpun idea kajian masa depan yang dikemukakan Sardar ini merupakan satu program untuk memperbaiki permasalahan ummah, tidak banyak perhatian dan respons positif diterima daripada umat Islam khususnya para pemimpin dan sarjana. Hakikatnya, tidak banyak peningkatan terhadap kesedaran kajian masa depan sehingga buku *The Future of Muslim Civilization* menjadi satu-satunya penerbitan ilmiah yang menjelaskan tentang masa depan Islam dan pendekatan metodologi futuristik yang sistematis. Namun begitu, tidak dinafikan terdapat perkembangan positif terhadap keprihatinan tentang keperluan perancangan masa depan seperti Wawasan Malaysia tahun 2020 dan kesedaran tentang masa depan di peringkat sekolah bagi generasi muda, penggunaan teknik masa depan bagi Bank Pembangunan Islam dan usaha golongan progresif Muslim dan Islam abad ke-21. Demikian juga program unggul Islam Hadhari yang dilaksanakan di Malaysia adalah satu cara menggesa masyarakat Muslim untuk memikirkan semula tentang cara hidup peradaban Islam dengan menghayati hikmah dan fungsi sebenar syariah serta mengekalkan kemerdekaan daripada beban sejarah penjajahan.

KESIMPULAN

Kajian masa depan merupakan satu disiplin ilmu yang menjelaskan bahawa masa depan merupakan suatu objek kajian dengan mengambil kira masa kini adalah inti pati permulaan melalui proses mengenal pasti dan memahami fenomena dan proses perubahan yang berlaku pada masa kini, sama ada ia terus wujud pada masa depan. Kesannya membantu proses membuat keputusan dan menyediakan maklumat yang berkaitan pada individu dan organisasi dalam merangka perancangan dan membuat Alternatif Masa Depan. Bidang kajian masa depan semakin memperlihatkan kepentingannya memandangkan pembangunan ketamadunan menerusi kemajuan sains, teknologi, modenisasi dan globalisasi tidak menjanjikan kemakmuran dan kesejahteraan manusia, sebaliknya memberi impak tekanan psikologi,

kecelaruan, kekeliruan mahupun imej kejutan masa depan. Persamaan usaha kajian futuristik pemikiran Barat dan Islam ialah fenomena masa depan yang perlu difahami agar dapat merancang Alternatif Masa Depan. Justeru, perlu dibangunkan kesedaran terhadap impak kuasa ejen perubahan masa kini bagi mewujudkan masyarakat yang mampu beradaptasi dan mempunyai ketahanan diri bagi mendepani cabaran masa depan. Sesungguhnya, kajian futuristik telah diaplikasikan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat di Barat, sementara usaha mendalami kajian futuristik dalam dunia Islam masih dibangunkan dengan pendekatan yang berbeza. Alternatif Masa Depan Islam mengintegrasikan bidang kajian futuristik dengan tuntutan ajaran Islam berdasarkan pandangan sejagat tamadun Islam dengan memberi nafas baharu bagi mengembalikan kegemilangan peradaban Islam masa lampau. Hal inilah yang menonjolkan kepentingan kajian masa depan dalam konteks pemikiran Islam semasa sehingga wujud satu bentuk kefahaman baharu tentang Islam, inovasi metodologi baharu dan aplikasi Islam yang memenuhi kehendak semasa.

RUJUKAN

- Bell, Daniel. (1996). *The cultural contradiction of capitalism*. New York: Basic Books.
- Bell, Wendell. (1997). *Foundations of future studies*. New Brunswick: Transaction Publishers.
- Bell, Wendell. (2005). Future studies: A new field of inquiry. In Wendell Bell (Ed.). *Foundations of Futures Studies: History, Purposes and Knowledge*, Vol. 1. pp. 1–72. Edison: Transaction Publishers.
- Cole & Masini. (2001). Futures studies in Italy and the limits to growth. *Futures*, 33 (1). Amsterdam: Elsevier Ltd. pp. 21–26.
- Dator, James. (1996). Futures studies as applied knowledge. In Richard A. Slaughter (Ed.). *New Thinking for A New Millennium*. London: Routledge. pp. 105–115.
- Inayatullah, Sohail. (1998). Exploring the futures of the ummah: A review of simulation models and approaches to the study of alternative futures. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 15 (1). pp.1–30.
- Ossip, Flechtheim. (1966). *History and futurology*. Meisenheim am Glan: Verlag Anton Hein.
- Sardar, Ziauddin. (1979). *The future of Muslim civilization*. London: Croom Helm London.

- Sardar, Ziauddin. (1985). *Islamic future: The shape of idea to come*. Selangor: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd.
- Sardar, Ziauddin. (2010). The namesake: Futures; futures studies; futurology; futuristic; foresight – What's in a name? *Futures*, 42. pp. 177–184.
- Thompson, A. E. (1979). *Understanding futurology: An introduction to futures studies*. Newton Abbot: David & Charles PLC.
- Toffler, A. (1971). *Future shock*. New York: Bantam Books.
- Toffler, A. (1980). *The third wave: The classic study of tomorrow*. New York: Bantam Books.
- Toffler, A. (1990). *Powershift: Knowledge, wealth and violence at the edge of the 21st century*. New York: Bantam Books.
- Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. (2010). Futures Studies in Contemporary Islamic and Western Thought: A Critical Study of the Works of Ziauddin Sardar, Mahdi Elmandhra, Alvin Toffler and Daniel Bell. Tesis PhD, University of Birmingham (tidak diterbitkan).

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa
(*Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*)

